

Malay

Bateri butang.

Bahaya yang tersembunyi.



Butang bateri menimbulkan bahaya yang boleh membawa maut.

Jika ditelan, bateri butang boleh menyebabkan lecuran di dalam badan, pendarahan yang teruk dan juga maut.

Antara barang yang mengandungi bateri butang ialah:

- barang mainan
- alat kawalan jauh televisyen dan kunci kereta
- alat bantu pendengaran
- alat penimbang
- lilin tanpa nyalaan

Cara menjaga keselamatan kanak-kanak

- Jangan beli produk yang menggunakan bateri butang atau pastikan petak baterinya tidak boleh dibuka oleh kanak-kanak dan ditutup dengan penutup berskru.
- Periksa barang mainan dan barang-barang lain dengan kerap untuk memastikan petak bateri butangnya masih tertutup rapi.
- Simpan bateri jauh daripada pandangan dan capaian kanak-kanak.
- Buangkan bateri dengan selamat, iaitu setelah membalutnya dengan pita berperekat dan memasukkannya ke dalam bekas yang tidak boleh dibuka oleh kanak-kanak, jauh daripada capaian kanak-kanak sehingga anda berpeluang menghantarkan bateri itu ke pusat kitar semula yang terdekat (lihat bcycle.com.au).
- Bateri yang lama atau yang kehabisan kuasa pun boleh membahayakan kanak-kanak.
- Beritahu semua orang yang menyayangi kanak-kanak mengenai bahaya yang ada pada bateri butang.



Apa yang harus dilakukan jika bateri ditelan

Jika anda mengesyaki bahawa anak anda telah menelan atau memasukkan bateri ke dalam hidung atau telinga, atau jika anak anda sukar bernafas, telefon

**Hospital Pulau Christmas
melalui talian 08 9164 8333 (24 jam)**
atau pergi terus ke bahagian
kecemasan hospital.

Ketahui selanjutnya tentang bahaya yang ada pada bateri butang.
Imbas kod QR ini.



Maklumat selanjutnya:

Consumer Protection

1300 30 40 54

www.consumerprotection.wa.gov.au

Product Safety Australia

www.productsafety.gov.au

Perkhidmatan yang disediakan oleh Perlindungan Pengguna kepada Wilayah Lautan Hindi dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia melalui Jabatan Infrastruktur, Pengangkutan, Pembangunan Regional, Komunikasi dan Seni.